



KEARIFAN TEMPATAN DALAM CERITA RAKYAT SUKU KAUM KAYAN

THE LOCAL WISDOM IN KAYAN FOLKTALES

Sara Beden¹

Institut Pendidikan Guru Kampus Tun Abdul Razak
sara.beden@ipgm.edu.my

Abstrak

Kajian ini membincangkan kearifan tempatan dalam cerita rakyat suku kaum Kayan sebagai warisan budaya yang sarat dengan nilai moral, sosial dan spiritual. Suku kaum Kayan yang mendiami kawasan pedalaman Kalimantan dan Sarawak memiliki tradisi lisan yang berfungsi sebagai medium pendidikan tidak formal yang membentuk jati diri dan menyemai rasa hormat terhadap alam dan roh nenek moyang. Justeru, kajian ini bertujuan untuk menganalisis kearifan tempatan yang terkandung dalam sembilan buah cerita rakyat suku kaum Kayan dalam buku *Kumpulan Cerita Rakyat Suku Kayan Avun Batang Hagang Kayo* (2022) terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka dengan menggunakan kerangka kearifan tempatan. Kajian ini mengaplikasikan pendekatan kualitatif melalui analisis teks dan kajian kepustakaan. Dapatan analisis memperlihatkan bahawa cerita rakyat suku kaum Kayan sarat dengan unsur keanehan dan keajaiban yang mencitrakan *supernatural* makhluk, budaya kolektif lambang perpaduan, pantang larang sebagai alat kawalan sosial, kepercayaan pada mimpi yang bermakna, budaya kepimpinan yang merepresentasi susun lapis masyarakat, nilai positif yang memperkukuh hubungan antara makhluk dan pelanggaran nilai sebagai pengajaran. Kesimpulannya, kearifan tempatan ini menjadi serangkaian maklumat, petunjuk, amalan, kepercayaan, sistem nilai dan ilmu yang diwariskan daripada generasi lama kepada generasi yang baharu sebagai suatu strategi dan identiti budaya dalam sistem kehidupan yang berperanan penting dalam memelihara identiti budaya serta menjadi sumber panduan hidup masyarakat setempat dalam meladeni perubahan zaman.

Kata Kunci: kearifan tempatan, budaya kolektif, keajaiban, nilai positif, kepercayaan

¹ Pensyarah Akademik Jabatan Perancangan Penyelidikan dan Inovasi IPGKTAR, Kota Samarahan.

Abstract

*This study discusses local wisdom in the folktales of the Kayan ethnic group as a cultural heritage rich in moral, social, and spiritual values. The Kayan community, who inhabit the interior regions of Kalimantan and Sarawak, possess an oral tradition that functions as a medium of informal education, shaping identity and fostering respect for nature and ancestral spirits. Therefore, this study aims to analyze the local wisdom contained in nine Kayan folktales in the book *Kumpulan Cerita Rakyat Suku Kayan Avun Batang Hagang Kayo* (2022), published by Dewan Bahasa dan Pustaka, using the local wisdom framework. This research applies a qualitative approach through text analysis and library research. The findings reveal that Kayan folktales are rich in elements of strangeness and wonder that portray supernatural beings, collective cultural symbols of unity, taboos as tools of social control, beliefs in meaningful dreams, leadership culture representing social hierarchy, positive values that strengthen relationships between beings, and violations of values as moral lessons. In conclusion, this local wisdom constitutes a body of information, guidance, practices, beliefs, value systems, and knowledge passed down from older generations to younger ones as a cultural strategy and identity within their way of life. It plays an important role in preserving cultural identity and serves as a source of guidance for the local community in navigating the changes of time.*

Keywords: Local wisdom, collective culture, wonder, positive values, belief

PENGENALAN

Suku kaum Kayan ialah salah satu etnik Orang Ulu di Borneo yang mendiami kawasan hulu sungai seperti Sungai Rajang dan Sungai Baram, dengan sejarah penghijrahan dari Kalimantan lebih 300 tahun lalu. Mereka dikenali dengan budaya dan tradisi yang unik, seperti rumah panjang, dan pernah mengamalkan amalan *ngayau* sebelum menerima agama Kristian dan agama Bungan. Ordilia Kalang (2022) dalam kajiannya menegaskan bahawa suku kaum ini berhijrah pada abad ke-18-abad dan ke-19 secara berperingkat dari Kalimantan dan terkenal dengan amalan *ngayau*². Kaum Kayan mendiami tebing-tebing sungai dengan mendirikan rumah-rumah panjang.

Aktiviti yang dilakukan untuk menyara hidup mereka ialah bercucuk tanam, menanam padi sawah, memungut hasil hutan dan menangkap ikan di sungai. Mereka dikategorikan ke dalam golongan *Orang Ulu* kerana tinggal di kawasan hulu sungai. Budaya mereka agak serupa dengan kaum Kenyah namun berbeza bahasa. Suku kaum Kayan kaya dengan cerita rakyatnya yang bukan sekadar menghamparkan mitos dan legenda, malahan merakamkan pola, corak, ragam, sistem norma dan nilai kehidupan yang dipraktikkan oleh mereka demi kelangsungan hidup. Kepelbagaian inilah yang disajikan dalam cerita rakyat kaum ini sehingga memanifestasikan nuansa budaya mereka. Ringkasnya, makalah ini merungkai keunikan dan kepelbagaian aspek

² Budaya dan sejarah Suku kaum Kayan diteliti dalam kajian Ordilia Kalang. (2022). Penghijrahan Suku Masyarakat Kayan dari Kalimantan ke Sarawak pada Abad ke-18 dan ke-19. Tesis Ijazah Sarjana Muda, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan Universiti Malaysia Sabah.

kehidupan dalam *Kumpulan Cerita Rakyat Suku Kayan Avun Batang Hagang Kayo* (2022)³ dengan menggunakan konsep kearifan tempatan.

Kumpulan Cerita Rakyat Suku Kayan Avun Batang Hagang Kayo

Buku ini mengetengahkan 22 buah cerita rakyat suku kaum Kayan di Sarawak dan diterbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka pada tahun 2022. Cerita rakyat dalam buku ini mengetengahkan konflik, hidup, budaya dan adat dalam suku kaum Kayan, asal usul nama orang dan tempat termasuklah kejadian peristiwa aneh yang dikatakan berlaku suatu masa dahulu. Kisah yang dirakam ini juga sarat dengan unsur legenda, mitos yang menampilkan kuasa luar biasa dan makhluk ghaib yang memiliki peranan tertentu sehingga menampakkan nilai dan mesej tertentu kepada khalayak.

Ringkasnya, cerita-cerita rakyat dalam buku ini memaparkan kearifan tempatan suku kaum Kayan di Sarawak yang wajar didedahkan kepada pembaca agar nilai khazanah tradisi ini menjadi warisan yang berguna, tidak pupus ditelan zaman, dapat memberikan pengajaran, membentuk sahsiah generasi muda, meraikan kepelbagaian adat, budaya dan keunikan bahasa etnik ini.

Kerangka Kearifan Tempatan

“Kearifan tempatan” ialah satu nilai dan falsafah sesuatu masyarakat atau kelompok kecil yang dilihat baik dan terbukti keberkesannya sama ada dari sudut pemikiran, perbuatan, percakapan, nilai rohani dan kepercayaan. Kearifan tempatan terdiri daripada dua perkataan Inggeris, iaitu “*local*” dan “*wisdom*”.

Istilah “*Local*” bermaksud setempat dan “*wisdom*” bermaksud hikmah dan kebijaksanaan. Secara umumnya kearifan tempatan ditakrifkan dengan kepandaian atau kebijaksanaan tempatan yang penuh dengan hikmah, nilai-nilai baik, dipraktikkan dan diikuti oleh masyarakat⁴⁵ (Giska, 2013 dan Muhammad Din et al., 2017). Keraf (2010) pula memahami kearifan tempatan sebagai kearifan tradisional yang merangkumi semua bentuk pengetahuan, keyakinan, pemahaman atau wawasan serta adat kebiasaan atau etika yang menuntun perilaku manusia dalam kehidupan

³ Penerbitan buku ini berfungsi sebagai medium pendokumentasian tradisi lisan (sastera rakyat) bagi memulihara warisan kearifan tempatan etnik Kayan daripada ancaman kepupusan. Himpunan 22 buah cerita ini tidak sekadar hiburan, tetapi bertindak sebagai wadah yang memaparkan sistem nilai, asal usul keturunan, interaksi sosial, serta kosmologi (kepercayaan) masyarakat Kayan. Usaha pendokumentasian oleh DBP ini selari dengan matlamat untuk mengangkat karya lisan peribumi ke dalam bentuk tulisan kekal agar dapat dirujuk oleh generasi akan datang dan pengkaji sastera kebangsaan. Rujuk Dewan Bahasa dan Pustaka. (2022). *Cerita Rakyat Suku Kayan: Avun Batang Hagang Kayo*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

⁴ Konsep ini dibincangkan dalam Giska Adilah Sharfina Saputra. (2013). *Enhancing Local Wisdom Through Local Content of Elementary School in Java, Indonesia*. Proceeding of the Global Summit on Education. Universiti Putra Malaysia, Serdang.

⁵ Konsep ini dibincangkan dalam Muhammad Din, Selmita Paranoan, Rahma Masdar, Hamonangan Siallagan & Tarmizi Achmad. (2017). *Public Accountability Based on The Value of Local Wisdom* dlm. *International Journal of Civil Engineering and Technology*, 8(8) hlm. 1046-1053,

ekologis⁶. Menurut Yusriadi et al., (2018), kearifan tempatan ialah merujuk kepada tingkah laku manusia yang positif dalam menangani alam dan persekitarannya dan diperturunkan daripada nilai-nilai agama, adat istiadat, tradisi nenek moyang atau budaya tempatan yang secara semula jadi dibina dalam komuniti untuk menyesuaikan diri dengan persekitarannya⁷. Muhammad Ikhlas Rosele dan Abdul Karim Ali (2019) menambah, tingkah laku ini kemudiannya berkembang menjadi budaya dan diwarisi secara turun-temurun. Kearifan tempatan adalah satu terma ilmu yang dibentuk bagi menjelaskan satu keadaan, budaya dan ilmu bagi sesuatu kawasan atau masyarakat⁸. Menurut Husni Thamrin (2013), kearifan tempatan sebagai suatu sistem yang merangkumi kehidupan sosial, politik, budaya, ekonomi dan lingkungan dalam masyarakat tempatan yang melambangkan hikmah dan kebijaksanaan yang diperoleh hasil daripada pengalaman hidup berinteraksi dengan alam⁹. Berdasarkan takrifan tersebut, dapat diperjelas bahawa kearifan tempatan terbentuk daripada pengetahuan tradisional sesuatu masyarakat hasil daripada pengalaman hidup, adat, kepercayaan, dan nilai agama, serta digunakan untuk menyesuaikan diri dan menjaga keseimbangan dengan alam sekitar yang mencerminkan nilai, etika dan budaya tempatan.

Sehubungan dengan itu, menurut Yin (2002) pula, kearifan tempatan adalah pengetahuan yang dipraktikkan oleh sesebuah komuniti yang merupakan hasil pengalaman generasi terdahulu. Menurut Suhartini (2009), kearifan tempatan berpandukan kepada nilai dan perlakuan masyarakat di sesuatu tempat dalam menjalani kehidupan seharian dan berinteraksi sesama manusia dan alam sekitar¹⁰. Kearifan lokal digunakan oleh Supriyanto et al. (2018) yang memahaminya sebagai suatu konsep bahawa dalam kehidupan sosiobudaya lokal terdapat suatu keluhuran, ketinggian nilai-nilai, kebenaran, kebaikan dan keindahan yang dihargai oleh warga masyarakat sehingga digunakan sebagai panduan atau pedoman untuk membangun pola hubungan di antara warga atau sebagai dasar untuk membangun tujuan hidup mereka yang ingin direalisasikan¹¹.

⁶ Selain istilah “Kearifan Tempatan” istilah lain yang dirujuk sama ialah “Kearifan Tradisional” sebagaimana dalam Keraf, A.S (2010). *Etika Lingkungan Hidup*. Jakarta: Penerbit Buku Kompas.

⁷ Pengetahuan yang diangkat sebagai Kearifan Tempatan dalam sesebuah masyarakat dirumuskan kepada perkara-perkara positif dalam penelitian Yusriadi, Y., Irmayani, I., Rosada, I., Ilsan, M., Wahyuni, W. dan Muhdiar, M. (2018) *Local Wisdom on Farming Activities and Its Benefits to Agriculture in Enrekeng District, Indonesia* dlm. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 3(5) hlm. 48-54,

⁸ Kearifan Tempatan difahami pengetahuan universal sebagai penjelasan keadaan, budaya dan ilmu dalam penilaian Muhammad Ikhlas Rosele dan Abdul Karim Ali. (2019) *Konsep Kearifan Tempatan Menurut Perspektif Hukum Islam* dlm. *Jurnal Fiqh*, Vol. 16 No. 1 hlm. 1-24,

⁹ Kearifan tempatan ditakrifkan sebagai kebijaksanaan akal budi dan suluh hikmah yang mendalam bagi sesuatu masyarakat, seperti yang dirumuskan dalam Husni Thamrin. (2013). *Kearifan Lokal dalam Pelestarian Lingkungan* dlm. *E-Jurnal Universiti Islam Negeri Sultan Syarif Kasim II*, 2(1) hlm. 46-58.

¹⁰ Kearifan tempatan ditekankan sebagai pegangan nilai hidup dan corak tingkah laku praktikal yang menjadi amalan harian sesebuah komuniti, menurut Suhartini. (2009). *Kajian Kearifan Lokal Masyarakat dalam Pergolakan Sumberdaya Alam dan Lingkungan*. Prosiding Seminar Nasional Penelitian dan Penetapan MIPA. Universitas Negeri Yogyakarta, Yogyakarta.

¹¹ Kearifan tempatan diangkat sebagai teras moral masyarakat yang merangkumi keluhuran budi, ketinggian nilai kebenaran dan kebaikan, serta elemen keindahan yang dijunjung tinggi bersama dalam

Bagi Gede Marhaendra (2017), kearifan tempatan memiliki unsur-unsur seperti alat ilmu pengetahuan, wujud pada suatu komuniti, sesuatu yang berasal dari generasi sebelum, pengalaman berhubungan dengan kelompok lain (pengalaman sekarang) dan untuk menyelesaikan secara baik dan benar sesuatu persoalan dan kesulitan yang dihadapi¹².

Irawan Satria Purwanto (2017) menegaskan kearifan tempatan ini boleh diterjemahkan dalam bentuk pelbagai seperti

- i. kata pepatah berbentuk nasihat, pantun, syair, cerita lisan;
- ii. sistem, prinsip, norma, aturan sosial dan moral yang menjadi satu sistem sosial, upacara, kepercayaan, amalan ritual dan tradisi;
- iii. perlakuan dan tindakan dalam interaksi sosial; dan
- iv. benda yang berbentuk fizikal seperti wayang dan *joglo* (rumah tradisional jawa)¹³.

Sehubungan dengan itu, Awang Azman Awang Pawi (2013) menjelaskan bahawa kearifan tempatan berkaitan dengan nilai kerohanian dan kepercayaan pula contohnya kepercayaan terhadap mimpi, pelbagai jenis semangat ghaib serta haiwan tertentu yang dianggap dapat membantu mereka mengubati penyakit rohani dan kepercayaan makhluk halus dan roh¹⁴. Agus Afendi (2014), Mohd Razaimi & Mohd Yuszaidy (2020) membataskan takrif kearifan tempatan kemampuan berinteraksi dengan alam sekitar yang dinamakan sebagai kearifan lingkungan¹⁵. Flavier (2003) mentakrifkan kearifan tempatan ialah pengetahuan unik yang merujuk kepada budaya sesebuah masyarakat. Pengetahuan ini dijadikan asas kepada masyarakat

Supriyanto, Muhammad Ikhsan, Ismail Suardi Weke & Fahmi Gunawan. (2018). *Islam and local wisdom: Religious Expression in Southeast Asia*. Yogyakarta: Deepublish.

¹² Kearifan tempatan merujuk kepada ilmu pengetahuan berharga yang diwarisi daripada generasi terdahulu, yang terbina hasil daripada rangkaian pengalaman sejarah dan interaksi berterusan dengan kelompok masyarakat luar, seperti yang dijelaskan dalam Gede Marhaendra Wija Atmaja, Nyoman Mas Aryani, Anak Agung Sri Utari & Made Ari Yuliantini Griadhi. (2017). *Pluralisme konstitusional dalam pengakuan kesatuan masyarakat hukum adat*. Yogyakarta: ANDI.

¹³ Konsep Kearifan Tempatan berkembang kepada manifestasi kebudayaan yang merangkumi tradisi lisan (sastera), sistem nilai dan amalan sosial (kepercayaan dan adat), norma tingkah laku, serta budaya kebendaan (artifak dan seni bina fizikal) dalam Irawan Satria Purwanto. (2017). "Nilai-Nilai "Dharma" Teks Cerita Mahabarata Versi Novel Karya R. K. Narayan". Disertasi Sarjana Pendidikan Bahasa dan Sastra Indonesia, Universitas Muhammadiyah Malang.

¹⁴ Penjelasan ini merujuk kepada sistem kosmologi dan pandangan semesta (worldview) masyarakat peribumi dan tradisional di Nusantara. Dalam kerangka kearifan tempatan, kepercayaan terhadap alam ghaib tidak dilihat sekadar tahyul, sebaliknya ia berfungsi sebagai sistem kawalan sosial, penjagaan keseimbangan ekologi, dan teras kepada etnoperubatan. Mimpi bertindak sebagai sistem epistemologi untuk mendiagnosis penyakit rohani, manakala haiwan dan semangat ghaib dilihat sebagai medium perantara yang menghubungkan mikrokosmos (manusia) dan makrokosmos (alam roh). Hubungan yang harmoni antara ketiga-tiga entiti ini dianggap penting untuk kesembuhan fizikal dan spiritual masyarakat. Sila rujuk perbahasan *DALAM Awang Azman Awang Pawi. (2013). Weltanschauung dan Manifestasi Kepercayaan Tradisi Etnik di Sarawak* Melayu. *Jurnal Antarabangsa Dunia Melayu*, 6(2), 139-154.

¹⁵ Konsep "Kearifan Tempatan"

dalam membuat keputusan dalam pelbagai aspek seperti pertanian, penjagaan kesihatan, pengurusan alam, sumber-sumber alam dan pelbagai aktiviti yang bersangkutan dengan masyarakat lingkungan¹⁶.

Muhammad Yusri Yusof @ Salleh dan Mohd Anuar Ramli (2020) menegaskan bahawa kearifan tempatan adalah satu bentuk pemikiran yang tinggi lagi mendalam dan kreatif terhadap sesuatu amalan dan praktikal yang berlaku dalam masyarakat yang mengandungi nilai-nilai tersirat dan tersurat. Sara Beden (2023), turut menyimpulkan bahawa konsep kearifan tempatan merujuk kepada bentuk pengetahuan, pengalaman, warisan tradisi nenek moyang, interaksi dengan alam, nilai, tingkah laku, kehidupan sosial, kepercayaan dan keanehan. Konsep ini menjadi amalan yang signifikan dan menjadi sistem hidup sesebuah masyarakat berhubung dengan alam persekitaran dan nilai-nilai tersirat daripada kearifan tersebut sehingga membentuk budaya dan adat resam serta pegangan komunitinya.

Secara rangkumannya, berdasarkan takrifan para sarjana, didapati bahawa konsep kearifan tempatan amat meluas medan maknanya yang merangkumi seluruh aspek kehidupan yang menjadi amalan secara praktikal, panduan dan pegangan sesebuah masyarakat atau etnik dalam komuniti mereka secara holistik. Konsep ini menjadi amalan yang signifikan dan menjadi sistem hidup sesebuah masyarakat berhubung dengan alam persekitaran dan nilai-nilai tersirat daripada kearifan tersebut sehingga membentuk budaya dan adat resam serta pegangan komunitinya. Justeru, kearifan tempatan yang dikupas dalam makalah ini merangkumi unsur keanehan dan keajaiban yang berkaitan leluhur dan semangat ghaib, budaya kolektif berdasarkan perlakuan masyarakat menerusi adat dan upacara, pantang larang menerusi pengamatan terhadap tindak tanduk masyarakat dalam mengurus dan mengendalikan sesuatu, kepercayaan, nilai-nilai positif yang menjadi amalan dan pelanggaran terhadap nilai-nilai kehidupan. Aspek-aspek ini mencerminkan corak dan pola sistem kehidupan sesebuah kaum dalam berinteraksi dengan manusia, alam, roh dan makhluk lain.

Sehubungan dengan itu, perbincangan dalam makalah ini memberikan fokus kepada kearifan tempatan dalam *Kumpulan Cerita Rakyat Sarawak Suku Kaum Kayan* (2022) dari pelbagai perspektif berdasarkan konsep kearifan tempatan yang telah digagaskan oleh para sarjana terdahulu (senarai kupasan kearifan tempatan). Makalah ini hanya membincang dan mengupas kearifan tempatan dalam sembilan buah cerita suku kaum Kayan, iaitu “Avun Batang Hagang Kayo” (5-42), “Batang Bua” (50-90), “Si Beruang dan Kura-kura” (124-136), “Bog Ikaeng” (137-148), “Ayo Long Taman” (43-49), “Lahei Bua” (218-246), “Si Pelanduk dan Si Siput” (357-360), “Uma Awei” (370-384) dan “Uma Pu Bertukar Jadi Bato” (385-388).

¹⁶ Dalam konteks penelitian Barat, konsep Kearifan Tempatan atau Indigenous Knowledge (IK) antaranya dibahaskan oleh Flavier yang bukan sekadar merujuk kepada warisan tradisi yang statik, tetapi merupakan sebuah sistem maklumat yang dinamik. Ia terus berkembang melalui eksperimen dalaman komuniti serta interaksi dengan sistem pengetahuan luaran. Flavier menegaskan bahawa pengetahuan ini berfungsi sebagai tulang belakang kepada proses komunikasi dan kelangsungan hidup komuniti: "Indigenous knowledge is the unique, traditional, local knowledge existing within and developed around the specific conditions of women and men indigenous to a particular geographic area... [It is] the information base for a society, which facilitates communication and decision-making.". Rujuk dalam Flavier, J.M. (1995). *The cultural dimension of development: Indigenous knowledge*. London: Intermediate Technology Publication.

DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Analisis yang dilakukan mendapati bahawa sembilan buah cerita rakyat suku kaum Kayan tersebut memperlihatkan kearifan tempatan yang sangat signifikan menerusi amalan secara praktikal dalam pelbagai aspek pengetahuan, budaya dan adat upacara serta kepercayaan yang menjadi simbol keunikan kaum ini. Kearifan tempatan dalam kumpulan cerita ini merangkumi *keanehan dan keajaiban yang mencitrakan supernatural makhluk sebagai saluran melunaskan masalah, budaya kolektif sebagai lambang perpaduan, pantang larang sebagai alat kawalan sosial, kepercayaan pada mimpi yang bermakna, budaya kepimpinan yang merepresentasi susun lapis masyarakat, nilai positif yang memperkukuh hubungan antara makhluk dan perlanggaran nilai sebagai pengajaran.*

Tuntasnya, kearifan tempatan ini menjadi serangkaian maklumat, petunjuk, amalan, kepercayaan, sistem nilai dan ilmu yang diwariskan daripada generasi lama kepada generasi yang baharu sebagai suatu strategi dan identiti budaya dalam sistem kehidupan yang melambangkan keunikan warisan sesuatu bangsa.

Keanehan dan Keajaiban

Unsur keanehan dan keajaiban merujuk kepada kepercayaan dan amalan yang menunjukkan kuasa luar biasa atau kesaktian selain memperlihatkan kuasa alam ghaib. Masyarakat Kayan mempercayai bahawa setiap sungai, gunung, kepelbagaian makhluk dan hutan mempunyai penjaga yang perlu dihormati. Cerita rakyat suku Kaum Kayan amat signifikan dengan unsur-unsur ini. Keanehan dan keajaiban ini ditemukan dalam cerita “*Bog Ikaeng*”, “*Avun Batang Hagang Kayo*”, “*Batang Bua*” “*Lahei Bua*”, “*Uma Awei*” dan “*Uma Po Bertukar Jadi Bato*”.

Dalam cerita “*Bog Ikaeng*” watak Bog Ikaeng amat bertuah apabila bertemu dengan seekor ular sawa kerana telah mengubah nasibnya dari kemiskinan kepada kemewahan dan senang lenang. Ular sawa memiliki kuasa luar biasa atau mistik yang menyebabkan Bog Ikaeng dan ibunya hidup dalam kesenangan. Setelah membunuh ular sawa atas permintaan ular tersebut, maka Bog Ikaeng diminta mengambil kedua-dua biji matanya dan sebotol air jernih dalam perutnya. Tiga objek ini memiliki kuasa sakti. Ular memintanya menanam biji mata kirinya di belakang halaman rumah manakala biji mata kanannya di halaman rumahnya dan mengambil air jernih dalam perutnya.

Setelah tempoh tertentu kedua-dua biji mata ular sawa yang ditanam tumbuh menjadi pohon yang besar. Pohon di belakang rumahnya mengeluarkan emas, kain bertatahkan emas, gong dan *tawak*. Sementara pohon di halaman rumahnya mengeluarkan padi, beras, kuih-kuih, pelbagai manik dan pelbagai jenis makanan (Hlm, 141). Keajaiban air dalam botol pula menjadikan Bog Ikaeng dan ibunya sihat dan cantik. Air tersebut disapu pada pondok buruk mereka telah menyebabkan rumahnya menjadi besar, cantik dan bertatahkan emas (hlm. 142). Bog Ikaeng dan ibunya hidup dalam kemewahan hasil daripada keajaiban tiga objek yang telah diberikan oleh ular sawa. Makhluk seperti ular dianugerahkan keajaiban dan kuasa magis untuk membantu manusia.

Keanehan dan keajaiban juga menonjol dalam cerita “*Avun Batang Hagang Kayo*”. Keanehan ini diperaga oleh watak Keteno yang diselamatkan oleh dua ekor burung, iaitu Doh Ubieng dan Ake Ubieng dengan *ngajat* bagi menghidupkan Keteno. Setelah sedar dan boleh bercakap, Keteno yang tanpa berpakaian telah mengambil beberapa daun rumput sambil memintal dan membacanya, kemudian menjadi kain *ta’ah*¹⁷, kain sarung dan baju lalu dipakainya. Keteno meraba-raba mencari pohon *belirong*¹⁸ kecil, mematahkannya lalu memacaknya ke tanah. Kemudian mengambil akar-akar di situ dan mengikatnya pada setiap pohon belirong. Setelah itu, akar tersebut digoyang-goyangnya, maka menjadi sebuah rumah yang cukup cantik dan lengkap dengan bilik tidur, dapur, anjung dan sebagainya (hlm.21).

Keteno tinggal di situ dengan senang lenang. Keanehan dan keajaiban seterusnya pada Keteno diperlihatkan semasa dia *nelaen*¹⁹. Keteno telah memasuki tubuh Urei Kevungan, iaitu anak Doh Kevungan yang menziarahi Keteno palsu (Urei Uyuk) yang pura-pura sakit untuk menyembunyikan penipuannya. Keteno mengetahui situasi tersebut dan membalas dendam dengan mencekik leher Urei Uyuk sehingga tidak bernyawa (hlm. 32-33). Kesaktian yang dimilikinya menjadi roh dalam badan Urei Kevungan, maka perbuatan Keteno tidak diketahui suaminya, Avun Batang Hagang Kayo. Keteno juga memiliki keajaiban atau *supernatural* kerana berupaya menyamar menjadi *Huku Alo Kuto*²⁰ untuk menguji kasih sayang suaminya Avun.

Dalam cerita “*Batang Bua*” isteri kepada Tevang Lingei, iaitu Punyang memperlihatkan keanehan apabila bayi lelakinya keluar dari jari kelengkengnya, bukan melalui saluran peranakan. Bayinya bertukar menjadi *pusung beran*²¹ apabila disentuh dan menjadi bayi lelaki yang comel apabila diletak (hlm. 58). Apabila berlaku kejadian ini, maka Punyang risau dan takut dimarahi suaminya. Punyang menerbangkan bayinya ke Kampung Uma Naha agar anaknya dijaga oleh Bikilaed dan Bua Hilda yang berketurunan *maraen*²². Punyang memiliki kuasa luar biasa dan kemagisan bagi menyelesaikan masalahnya.

Dalam “*Batang Bua*” turut diperlihatkan keajaiban seekor haiwan yang dikenali sebagai *havaed*²³ yang ghaib apabila dikejar dan cuba disumpit oleh Batang Bua apabila isterinya meminta Batang Bua berbuat demikian kerana kecantikan haiwan itu. Batang Bua tidak berjaya menyumpit *havaed* sehingga sampai di Eva Batog dan haiwan itu ghaib dari matanya (hlm. 83).

Hakikatnya, *havaed* mengghaibkan dirinya setelah terkena sumpitan pada perutnya dan balik kepada tuannya, iaitu Tejun Avun Batang. Tejun marah dan menganggap Batang Bua dan isterinya sombong sehingga mencederakan *havaed* peliharaan dan kesayangannya. Lantas, Tejun Avun Batang menggunakan kesaktiannya untuk mengenakan Batang Bua dengan mengambil kulit harimau dan menerbangkannya ke arah Batang Bua yang sedang mandi dan hinggap lalu tertanam di tapak kakinya (hlm.84). Batang Bua berasa gatal, kemudian kulit harimau tumbuh di badannya dan tidak dapat dicabut.

¹⁷ Ta’ah: pakaian sarung wanita kaum Kayan.

¹⁸ Belirong: sejenis tumbuhan kayu.

¹⁹ Nelaen: masuk ataupun merasuki ke tubuh orang lain seperti roh. (dalam bahasa kaum kayan)

²⁰ Huku Alo Kuto’: Istilah merujuk kepada nenek atau perempuan tua (dalam bahasa kaum Kayan)

²¹ serantai manik beran.

²² Maraen: bangsawan (dalam bahasa Kayan).

²³ *Havaed*: haiwan seperti beruk atau monyet tetapi tiada ekor.

Akhirnya, seluruh badan Batang Bua diselaputi kulit harimau, kemudian bertukar menjadi seekor harimau. Isteri-isterinya, Nyalo Padei dan Julan Eda Lunuk telah mengambil rantai besi dan merantai Batang Bua yang sudah menjadi seekor harimau (hlm.85). Kedua-dua isterinya meminta orang mencari gadis-gadis yang dapat mengembalikan Batang Bua kepada manusia. Tejun Avun Batang dan saudaranya, Bua Wang Nirang yang memiliki keajaiban mengenakan Batang Bua, telah mengembalikan Batang Bua kepada manusia semula setelah mereka mencium mulut harimau tersebut bertalu-talu (hlm.87-89). Kemudian mereka berdua terbang ke Eda Batog semula dan Batang Bua hidup bahagia dengan kedua-dua isterinya.

Dalam cerita “*Lahei Bua*” didapati watak Majod Silo Jelo bekas suami kepada Lahei Bua (LB) memiliki kesaktian apabila menggunakan jampi untuk membalas dendam kepada Lahei Bua yang tidak melayannya ketika dia meminta Lahei Bua mencabut bulu keningnya yang panjang. Majod telah menerbangkan *kirip sunung*²⁴ ke tubuh Lahei Bua dan tumbuh di badannya (hlm. 227). Badan LB mulai gatal dan bulu burung tingang tumbuh pada kakinya. LB menyeru Long Unan agar menyelamatkan kandungan dengan memasukkan anak dalam kandungannya ke dalam mulut Long Unan dan meminta Long Unan menjaga anaknya, jika dia mati (hlm. 228).

Akibat jampi dan keajaiban yang dibuat oleh Majod Silo Jelo, maka bulu burung tingang semakin tumbuh ke seluruh badan LB dan akhirnya diletakkan dalam sangkar besi (hlm. 229-230). Kumpulan burung-burung tinggang telah mendengar kisah LB dan berhasrat mengambilnya agar tinggal bersama mereka di Ujaed Batong Usung Tingang. Burung-burung ini telah menggunakan mantera agar semua orang tidur nyenyak dan kumpulan burung ini telah mengajar LB untuk terbang. Keesokan harinya, LB tiada disangkar tetapi di atas pokok dan bersedia untuk terbang bersama dengan kumpulan burung tingang dan meninggalkan suaminya Jelivan Etieng Kayo (hlm. 231).

Dalam cerita “*Uma Awei*” keajaiban turut berlaku apabila Usan Bato yang telah meninggal dan dikubur telah dihidupkan kembali atas arahan Tana Ledo setelah dia berputus asa dengan Hunyang Araen (hlm. 384). Akhirnya, berkat kuasa mistik dan keajaiban, Usan Bato yang dihidupkan semula telah bersatu semula dengan Hunyang Araen dan anak mereka. Jelasnya, masyarakat Kayan percaya bahawa orang yang sudah mati dapat dihidupkan semula sebagaimana yang berlaku kepada Usan Bato.

Cerita “*Uma Pu Bertukar Jadi Bato*” turut memaparkan unsur keanehan dan keajaiban apabila Silo menangkap seekor ikan *dekaed*²⁵ dan hendak membawanya balik ke rumah dari sungai. Tiba-tiba ribut taufan melanda ketika Silo dan adiknya sampai di tebing sungai. Mereka berdua bertukar menjadi batu dan seluruh rumah penduduk Kampung Uma Pu telah bertukar menjadi batu (hlm.386).

Seorang lelaki dari kampung Uma To cuba untuk memecahkan batu tersebut dengan kapak, namun batu yang pecah bercantum semula kembali ke bentuk asalnya dan ada kedengaran suara tangisan manusia dalam batu tersebut. Lelaki tersebut tidak berjaya, malahan isterinya juga menjadi batu dalam rumah (hlm. 387). Lelaki itu telah meneruskan perjalanan sehingga menaiki bukit dan dipuncakkannya dia berhenti untuk menghisap rokok. Apabila dia menggeselkan batu

²⁴ *Kirip sunung*: bulu burung tinggang/ enggang (kenyalang) yang menjadi perisai.

²⁵ *Dekaed*: sejenis ikan kecil yang melekat dan memakan lumut (dalam bahasa Kayan)

*ha'an*²⁶ dengan *tumo*²⁷ maka dapat mengeluarkan api dan lelaki tersebut bersuara bahawa dia masih hidup.

Walau bagaimanapun, batu *ha'an* yang mendengar kata-kata lelaki tersebut berasa tidak puas hati dan terus menukarkan lelaki tersebut menjadi batu besar dan tinggi kerana mulutnya celupar. Batu tersebut masih terpacak di atas gunung sehingga hari ini. Penduduk dan rumah di Kampung Uma Po semuanya menjadi batu akibat sumpahan ikan *dekaed* yang memiliki kuasa magis. Dalam konteks ini, unsur alam berinteraksi dengan manusia melalui sumpahan dan hukumannya kepada manusia yang mengancam kehidupan mereka.

Ringkasnya, keanehan dan keajaiban dalam budaya kaum Kayan memperlihatkan kemagisan dan bukanlah kepercayaan karut semata-mata, tetapi melambangkan kearifan dan sistem nilai yang mengekalkan keseimbangan antara manusia, alam, dunia roh, keturunan dan asal-usul. Selain itu, khalayak mendapat pendedahan tentang kaedah atau platform penyelesaian suku kaum Kayan untuk melunaskan konflik mahupun dendam, iaitu dengan bantuan kuasa ghaib. Unsur keajaiban dan keanehan ini juga mengukuh dan menguatkan mitos dan legenda yang bukan sekadar cerita lama, tetapi cerminan tentang cara dan pola manusia memahami dunia, menjaga nilai-nilai dan membangun jati diri bersama sekali gus mengidentifikasikan budaya.

Aspek ini juga mencitrakan *supernatural*, iaitu kuasa luar biasa yang ada pada manusia atau makhluk-makhluk lain. Kepercayaan pada keajaiban menjadi cara masyarakat dahulu mentafsir alam sekeliling yang boleh membantu mereka dalam menyelesaikan masalah. Tambahan pula, unsur-unsur ini juga mampu mendidik generasi muda agar hidup dengan penuh rasa hormat, tidak celupar dan berhati-hati terhadap kepelbagaian isi alam dan dunia yang mereka diami.

Budaya Kolektif (Upacara dan adat)

Budaya kolektif ialah budaya yang menekankan kepentingan bersama berbanding kepentingan individu. Dalam masyarakat yang mengamalkan budaya ini, setiap orang dianggap sebahagian daripada komuniti dan bertanggungjawab menjaga keharmonian serta kesejahteraan bersama. Nilai seperti gotong-royong, tolong-menolong dan saling menghormati menjadi asas utama dalam kehidupan bermasyarakat. Anggota masyarakat akan bersama-sama, beramai-ramai melakukan sesuatu, mempunyai tanggungjawab bersama dan mendapat faedah bersama sebagaimana penegasan Gede Marhaendra (2017), bahawa masyarakat berhubungan dan berkelompok untuk menyelesaikan secara baik dan benar sesuatu persoalan dan kesulitan yang dihadapi. Cerita rakyat suku kaum Kayan didapati menonjolkan budaya kolektif dengan signifikan termasuklah perilaku yang ditunjukkan ketika melakukan upacara dan adat.

Dalam cerita rakyat “*Avun Batang Hagang Kayo*” budaya kolektif amat menonjol apabila Avun memberitahu kepada *panyin*²⁸ kampung bahawa mereka hendak mengambil buah di *lepu'un*²⁹. Panyin-panyin segera berkemas dan gembira dengan rancangan tersebut.

²⁶ Batu *ha'ani*: batu asah (dalam bahasa Kayan)

²⁷ *Tumo'*: Sejenis bahan halus mengeluarkan api

²⁸ *Panyin*: rakyat biasa atau penduduk kampung (dalam bahasa Kayan)

²⁹ *Lepu'un*: kampung lama (dalam bahasa Kayan)

Panyin-panyin membawa pelbagai peralatan untuk menyimpan buah-buahan yang akan diambil seperti *engaen* dan *ajat*³⁰ dan peralatan lain. Pemuda-pemuda dan rakan sebaya Avun Batang Hagang Kayo menyediakan perahu besar di pangkalan kampung (hlm. 6). Seterusnya, mereka beramai-ramai naik ke darat mengambil buah-buahan secara bergotong-royong dan memperoleh faedahnya bersama.

Seterusnya, apabila mendapat tahu bahawa Keteno palsu (Urei Uyuk) sakit dalam perahu, maka mereka berhenti mengambil buah dan turun ke perahu. Apabila sampai di rumah, mereka bekerjasama mengangkat Urei Uyuk menggunakan rakit kayu untuk masuk ke dalam bilik kerana badannya sangat besar (hlm.17). Selama Keteno palsu sakit, penduduk kampung berduyun-duyun menziarahinya dan mereka sanggup kehabisan *utieng*³¹ kerana digunakan untuk mengubat Urei Uyuk. Penduduk kampung pergi ke kampung seberang untuk mencari khinzir demi semangat untuk membantu. Seterusnya, penduduk kampung berusaha mengambil *Tok Dayung*³² untuk mengubati Keteno palsu. Penduduk kampung menunjukkan kerjasama dan saling membantu untuk menyembuhkan isteri Avun dengan memanggil pelbagai dukun untuk mengubat Urei Uyuk namun tidak juga sembuh (hlm. 18). Peristiwa ini menunjukkan bahawa semangat kolektif sangat kuat dalam kalangan mereka apabila ahli komuniti dilanda musibah. Semasa tempoh itu juga, mereka berkabung sebagai tanda menghormati orang yang sakit dan berkabung selama 8 hari setelah kematian Keteno palsu (Urei Uyuk).

Dalam cerita “*Batang Bua*” penduduk rumah panjang memperlihatkan budaya kolektif yang tinggi apabila Tevang Lingei, seorang bangsawan selaku ketua memaklumkan bahawa mereka hendak menuba ikan di Sungai Keliman. Pemuda-pemuda pergi mencari kayu dan akar tuba untuk menuba ikan sepanjang hari, lewat senja mereka balik membawa kayu dan akar tuba. Kaum wanita pula menumbuk padi menjadi beras sebagai bekalan. Wanita juga menyediakan makanan dan kuih muih untuk dibawa semasa *ngurang*³³ di Naha. Sebelum menuba, pemuda dan gadis mula bertolak pada waktu petang dan mereka pergi lebih awal untuk membuat persiapan kerja-kerja menuba dan bermalam di Naha Ketunei (hlm. 53).

Kaum bapa dan ibu pula akan bertolak esok pagi. Esoknya, *pebasan tuva*³⁴ telah siap dibina merentangi Sungai Keliman. Pemuda-pemuda sibuk menumbuk akar tuba sehingga hancur dan tidak sabar hendak menuangkannya ke dalam sungai. Apabila Tevang Lingei sampai, mereka menuangkan akar-akar tuba ke dalam sungai setelah *ngapieng*³⁵. Budaya kolektif ini membuah hasil apabila banyak ikan yang mabok dan dikumpul oleh mereka sebagai sumber rezeki.

Budaya kolektif dalam “*Batang Bua*” turut diperlihatkan ketika Batang Bua hendak berpindah ke Juman Arong setelah dinasihati penunggu hantu hutan. Bua Hida, ibunya meminta penduduk kampung untuk mencari ramuan kayu bagi membina rumah di Juman Arong sebagai

³⁰ Engaen dan ajat: Peralatan tradisional bekas rotan tradisional kaum Kayan

³¹ Utieng: khinzir (dalam bahasa Kayan)

³² Tok Dayung: Pengamal perubahatan tradisional pandai menjampi dan bermantera (dalam bahasa Kayan)

³³ Ngurang: bermalam (dalam bahasa Kayan)

³⁴ Pebasan tuva': Simbol garisan tempat menuang dan menumbuk tuba dalam amalan tradisional kaum Kayan

³⁵ Ngapieng: sebuah upacara korban tradisional kaum Kayan

kediaman Batang Bua, anak kesayangannya. Penduduk kampung bergotong-royong membina rumah yang besar dan cantik dengan binaan keturunan bangsawan. Kaum wanita pula menanam tebu, sayur-sayuran dan buah-buahan di sekeliling rumah (hlm. 80). Penduduk kampung dan ibunya telah menghantar Batang Bua berpindah ke rumah baharunya di Juman Arong.

Budaya kolektif juga berlaku semasa Bua Hilda mengadakan upacara menamakan bayi lelakinya, iaitu Batang Bua. Penduduk kampung bekerjasama mengadakan adat upacara khas menamakan bayi. Penduduk kampung pergi *ngasog*³⁶, menjala dan menyempit untuk mencari *avar*³⁷ Mereka mendapat buruan masing-masing seperti babi, ikan, burung dan sebagainya. Seterusnya, mereka menyiat, memotong, menyalai, membuat kuih tradisi, bungkusan nasi dan lauk secara beramai-ramai. Penduduk kampung menikmati juadah tersebut bersama-sama sebelum upacara khas menamakan bayi.

Cerita rakyat suku Kayan “*Uma Awei*” juga memaparkan budaya kolektif yang diteliti menerusi peristiwa penduduk Kampung Uma Awei bekerjasama membantu Evung Wan untuk menarik perahu sampai ke anjung rumah apabila Hunyang Araen tidak mahu keluar dari perahu setelah dipaksa Tana Ledo. Sebaik sahaja menerima arahan, semua penduduk kampung segera menarik perahu tersebut sampai ke depan pintu rumah (hlm. 378). Semangat kolektif ini juga diperlihatkan ketika kematian Usan Bato. Penduduk kampung bekerjasama membuat *salong*³⁸ yang penuh dengan *kalong bekawit*³⁹ dan ukiran-ukiran indah. Setelah genap lapan hari, maka mayat Usan Bato dihantar ke tanah perkuburan (hlm. 380-381). Adat berkabung turut disambut oleh penduduk kampung terutama Hunyang Araen bagi menghormati keluarga dan orang yang telah mati.

Tuntasnya, budaya kolektif menerusi upacara dan adat yang diamalkan oleh suku kaum Kayan berupaya mengukuhkan semangat perpaduan, kekitaan dan kerjasama selain merefleksikan identiti budaya mereka. Apabila masyarakat saling membantu dalam pelbagai urusan kerja kampung, semasa mengadakan upacara dan adat, semasa ditimpa musibah mahupun sewaktu gembira, maka hubungan silaturahim akan menjadi lebih erat. Selain itu, budaya kolektif juga membantu mengekalkan keamanan dan keharmonian sosial kerana setiap individu menghormati norma dan nilai bersama, serta mengutamakan kerja sepasukan dalam meringankan bebanan.

Pantang Larang

Cerita suku kaum Kayan amat sarat dengan pantang larangnya sebagai suatu sistem kawalan keselamatan dan kesejahteraan dalam masyarakatnya. Masyarakat sepatutnya patuh terhadap pantang larang, jika sebaliknya maka membawa musibah.

Kamus Dewan Edisi Keempat (2019) mentakrifkan pantang larang sebagai “tegahan atau larangan yang wajar dipatuhi”. Dalam cerita rakyat “*Avun Batang Hagang Kayo*” didapati watak Keteno, iaitu isteri kepada Avun Batang Hagang Kayo telah melanggar pantang dengan membuang kulit buah ke dalam Sungai Keliman walaupun suaminya telah berpesan dan

³⁶ Ngasog: berburu (dalam bahasa Kayan)

³⁷ Avar: lauk pauk dan pelbagai makanan bagi tujuan upacara dalam adat kaum Kayan

³⁸ Salong: keranda (dalam bahasa Kayan)

³⁹ Kalong bekawit: istilah bagi tulisan dan lakaran tradisional kaum Kayan

melarang dia berbuat demikian (hlm. 8). Pantang yang dipesan oleh suaminya telah dilanggar oleh Keteno sehingga mendedahkannya kepada bahaya ancaman oleh Urei Uyuk yang berniat jahat.

Apabila melihat kulit buah tersebut, Urei Uyuk yang mengidam hendak makan buah tersebut, berjaya menjejaki Keteno dalam perahu yang menunggu suami dan penduduk kampung pergi mengambil buah. Akibat melanggar pantang tersebut, Keteno akhirnya mati akibat kekejaman Urei Uyuk yang sakit hati tidak dipelawa mengambil buah-buahan dan berhasrat merampas Avun Batang Hagang Kayo, suami Keteno yang merupakan seorang *maraen*⁴⁰.

Dalam cerita “*Batang Bua*” pantang larang diperlihatkan dalam dua peristiwa. Peristiwa semasa menuba ikan, didapati orang-orang kampung yang bersama-sama menuba ikan amat patuh terhadap pantang larang, iaitu tidak menangkap ikan yang lari dan melompat-lompat apabila terkena air tuba yang dituang ke dalam sungai apabila dilarang oleh Tevang Lingei sebagai ketua mereka. Larangan tersebut dilakukan kerana mereka tidak boleh menangkap ikan tanpa mengadakan adat *ngapieng*⁴¹ oleh *maraen* Tevang Lingei. Setelah adat *ngapieng*, barulah mereka mengumpul ikan-ikan yang sudah mabuk terkena air tuba dan usaha mereka membuahkan hasil serta berjalan lancar.

Sementara peristiwa pelanggaran pantang larang berlaku dalam “*Batang Bua*” apabila isteri Tevang Lingei, iaitu Punyang Lirong yang tinggal di rumah dalam keadaan sarat mengandung melanggar larangan suaminya yang melarang dia mandi di sungai yang sedang dituba. Ekoran melanggar larangan suaminya, Punyang telah diuji dengan keseronokan mandi sehingga tidak sedar air tuba telah mengalir dalam sungai ketika dia berenang hendak mengambil *pusung beran*⁴² seperti kepunyaannya, namun hanya bayangan sahaja akibat perbuatan penunggu sungai yang memperdayakannya. Akibatnya, Punyang sakit kepala dan bimbang dimarahi suaminya jika anak yang dikandungkannya mati. Akhirnya, Punyang Lirong memaksa dirinya bersalin dan menghantar anaknya kepada Bua Hida yang juga keturunan *maraen*.

Ringkasnya, pantang larang merupakan alat kawalan sosial bagi memastikan hubungan harmoni antara manusia, alam dan roh selain menjamin keselamatan dan kesejahteraan. Kepercayaan ini menunjukkan kebijaksanaan mereka dalam menjaga keseimbangan ekologi serta memupuk rasa tanggungjawab terhadap kehidupan dan alam sekitar. Aturan adat atau pantang yang ditetapkan oleh masyarakat bertujuan untuk melindungi alam, menjaga keseimbangan sosial, serta menghormati leluhur dan menegakkan norma, memelihara adat dan nilai tradisi. Pantang larang juga berupaya mendidik masyarakat tentang adab serta sopan santun dan menjaga keselamatan serta kesihatan diri di samping membantu mengeratkan hubungan sosial dengan menanam nilai hormat-menghormati antara sesama manusia. Tuntasnya, pantang larang menjadi panduan hidup yang membentuk keperibadian dan keharmonian dalam masyarakat.

⁴⁰ Ibid., 8

⁴¹ Ngapieng: merujuk kepada perbuatan mengipas-ngipas benda yang menjadi korban upacara (dalam bahasa Kayan)

⁴² Pusung beran: sejenis peralatan kraftangan manik beran dalam adat kaum Kayan

Kepercayaan pada Mimpi

Kearifan tempatan juga berkaitan dengan kepercayaan pada mimpi sebagaimana pandangan Awang Azman Awang Pawi (2013). Kepercayaan terhadap unsur mimpi terdapat dalam cerita “*Lahei Bua*” oleh watak Batang Bua setelah dewasa.

Penunggu hantu pohon *beran*⁴³ sering melihat Batang Bua menyempit dan menjangka Batang Bua boleh menjadi terkenal. Apabila penunggu menyuruhnya berpindah ke Juman Jarong supaya menjadi terkenal di seluruh Alaem Keliman, Batang Bua menolaknya dengan kasar. Oleh sebab Batang Bua terlalu degil, maka hantu telah membuat Batang Bua mengalami *pelaem*⁴⁴ dengan *ngesini*⁴⁵ supaya Batang Bua tertidur di pohon kayu *beran* dan mengalami mimpi. Semasa tidur, Batang Bua bermimpi hantu yang baik hati itu memintanya berpindah ke Juman Arong dan membina rumah di situ. Jika Batang Bua tinggal di Naha Long Lidaen yang tersembunyi, maka dia tidak dikenali sesiapa (hlm. 75). Hantu melihat Batang Bua sebagai bangsawan yang banyak kelebihan daripada *hipui-hipui*⁴⁶ lain di Naha Long Lidaen yang jauh tersembunyi. Hantu meminta Batang Bua berfikir.

Setelah sedar dari tidur, maka Batang Bua balik ke rumahnya. Batang Bua termenung, tidur dan tidak mahu bercakap kerana mengenangkan mimpinya. Seorang Lake’ Bang diminta oleh Bua Hida⁴⁷ untuk memujuk dan bertanya kepada anaknya tentang kelakuannya yang pelik. Batang Bua menceritakan kisah mimpi dan permintaan hantu tersebut. Lake’ Bang memberitahu Bua Hida kisah mimpi anaknya yang harus dilunasi. Ibunya membuat persiapan untuk membuat rumah di Juman Arong agar Batang Bua dapat berpindah ke Juman Arong. Dalam cerita ini, mimpi menjadi kepercayaan dalam suku kaum Kayan dan melaksanakan perkara dalam mimpi tersebut. Pematuhan terhadap mimpi tersebut telah membawa kebaikan kerana Batang Bua yang berpindah ke Juman Arong telah menjadi terkenal di seluruh Alaem Kaliman dengan kehebatannya menyempit, digilai ramai gadis dan memiliki dua orang isteri.

Budaya Kepimpinan (Pentadbiran)

Berdasarkan penelitian terhadap cerita rakyat suku kaum Kayan, didapati wujudnya struktur pentadbiran yang agak ringkas sebagaimana dalam Rajah 1 di bawah:

⁴³ Pohon *beran*: sejenis pohon yang tumbuh liar


⁴⁴ *Pelaem*: benda kecil masuk ke mata

⁴⁵ *Ngesini*: permintaan ajaib

⁴⁶ *Hipui-hipui*: keturunan bangsawan

⁴⁷ Bua Hida: ibunya

Rajah 1 : Struktur Pentadbiran Suku Kaum Kayan



Struktur pentadbiran ini melambangkan budaya kepimpinan dalam suku kaum Kayan. Golongan *maraen*⁴⁸ berada pada kedudukan yang tinggi, mulia dan menjadi ketua dalam suku kaum Kayan manakala golongan yang menjadi pengikut atau rakyat biasa dikenali sebagai *panyin*⁴⁹. Seterusnya, golongan pembantu yang dikenali dengan nama Burieng Pid sebagaimana dalam cerita “*Lahei Bua*”, “*Avun Batang Hagang Kayo*” dan “*Batang Bua*”. Dalam cerita “*Avun Batang Hagang Kayo*”, watak Avun Batang Hagang Kayo dan isterinya Keteno merupakan golongan bangsawan yang memiliki pengikut atau *panyin*. Dalam cerita “*Batang Bua*”, Tevang Lingei dan isterinya, iaitu Punyang Lirong juga merupakan keturunan bangsawan yang memiliki pengikut dan sentiasa bersama dengannya ketika waktu susah mahupun senang.

Dalam cerita ini juga, Punyang Lirong memastikan anaknya dijaga keturunan *maraen*⁵⁰, iaitu Bua Hida agar anaknya Batang Bua kekal sebagai golongan bangsawan. Batang Bua yang berpindah ke Juman Arong telah menjadi ketua dan membina nama sebagai keturunan bangsawan. Golongan *panyin* menunjukkan ketaatan kepada ketua mereka manakala Burieng Pid berperanan menjadi pembantu dan orang tengah antara ketua dan isterinya (bangsawan).

Berdasarkan cerita rakyat ini juga, didapati bahawa *maraen* boleh dicapai secara mobiliti sosial apabila individu bergerak dari status yang rendah kepada status yang lebih tinggi dengan memiliki harta. Misalnya, watak Bog Ikaeng dalam cerita rakyat “*Bog Ikaeng*” didapati mengalami mobiliti sosial apabila diangkat menjadi keturunan *maraen* dan ketua baharu setelah mendapat kemewahan dan berharta (*keajaiban daripada ular sawa*). Semua penduduk memandang tinggi kepada Bog Ikaeng sebagai pemimpin baharu kampung mereka (hlm.147) yang bersikap peramah dan baik hati kepada golongan *panyin* manakala Jalong Paraen⁵¹

⁴⁸ Ibid., 8

⁴⁹ Ibid., 10

⁵⁰ Ibid., 8

⁵¹ Jalong Paraen: watak golongan *maraen* yang sombong dalam cerita rakyat Bog Ikaeng

(golongan *maraen* yang sombong) dan berkahwin dengan Bog Ikaeng tidak dibenar mencampuri urusan kepimpinan Bog Ikaeng. Struktur pentadbiran ini merepresentasi susun lapis masyarakat dalam suku kaum Kayan.

Nilai Positif

Nilai positif didapati menjadi amalan oleh suku kaum Kayan kerana nilai ini membolehkan hubungan baik terjalin antara pelbagai makhluk. Nilai positif dalam masyarakat Kayan bukan sekadar amalan moral, tetapi merupakan teras kehidupan yang memastikan masyarakat mereka kekal bersatu dan harmoni, berpegang pada adat dan tradisi dan mampu menyesuaikan diri dengan zaman tanpa kehilangan jati diri.

Nilai positif paling ketara terdapat dalam cerita “Si Beruang dan Kura-kura”. Secara umumnya, kita hanya mengetahui cerita haiwan Kura-kura dan arnab namun dalam suku kaum Kayan, terdapatnya haiwan seperti Kura-kura berperwatakan pintar yang sinonim dengan watak Sang Kancil. Suku kaum Kayan mengangkat kehebatan dan kebijaksanaan Kura-kura dibandingkan dengan Si Beruang. Si Beruang dan anak-anaknya hidup bersama dengan Kura-kura. Suatu hari Si Beruang mengajak Kura-kura mencari tunas pisang untuk ditanam. Apabila mendapat tunas pisang, Kura-kura telah menanamnya di tanah tidak jauh dari pondok mereka manakala Si Beruang menanam tunas pisang tersebut di *avo*⁵² dalam pondok. Tunas pisang Kura-kura hidup subur manakala tunas pisang Si Beruang mati. Dalam ilmu sains menanam tumbuhan, didapati Kura-kura lebih berpengetahuan dan bijaksana daripada Si Beruang (hlm. 125).

Apabila pisangnya dicuri, Kura-kura telah memasang perangkap yang dikenali sebagai *nyaek huah*⁵³. Perangkap ini telah menyebabkan Si Beruang yang datang hendak mencuri buah pisangnya terkena perangkap tajam dan mengena uloh⁵⁴ (bahagian usus besar) Si Beruang dan luka. Rancangan Kura-kura menjadi dan Kura-kura bertindak lari dari pondok tersebut bagi mengelak dendam Si Beruang (hlm. 127). Kebijaksanaan Kura-kura menyerlah apabila membina pondok baharu dan mengasapnya agar pondok tersebut nampak *mangah*⁵⁵ sudah lama dan pura-pura tidak mengenali Si Beruang. Kura-kura memberitahu Si Beruang bahawa dia menjaga ubat luka kerana disuruh bapanya. Si Beruang teruja dan meminta ubat luka bagi mengubat *uloh*⁵⁶ Si Beruang. Kura-kura menurut kehendak Si Beruang dan memintanya menggunakan *dang*⁵⁷ (benda halus dan tajam pada buluh/miang) buluh tersebut setelah mendengar suara kura-kura menyuruhnya menggunakan ubat tersebut. Si Beruang yang bodoh menurut tanpa berfikir dan apabila Si Beruang menyapu *dang* buluh, maka Si Beruang kesakitan dan barulah dia tahu bahawa telah ditipu oleh Kura-kura (hlm.128).

Seterusnya, Kura-kura memperdaya Si Beruang yang hendak membunuhnya bahawa bukan dia yang menipu Si Beruang dengan mengatakan bahawa kura-kura banyak jenis dan Kekura Datah yang menipu Si Beruang kerana dia Kekura Kelu’ong. Si Beruang percaya dan dikenakan lagi oleh Kura-kura dengan memberikan cili sebagai ubat luka Si Beruang yang

⁵² Avo': ruang dalam pondok yang dikhususkan sebagai dapur dan diperbuat tanah

⁵³ Nyaek huah: sejenis perangkap tajam dalam budaya kaum Kayan

⁵⁴ Uloh: bahagian usus besar (dalam bahasa Kayan)

⁵⁵ Mangah: warna hitam kekotoran (dalam bahasa Kayan)

⁵⁶ Ibid., 15

⁵⁷ Dang: benda halus dan tajam pada buluh/miang (dalam bahasa kaum kayan)

kononnya mujarab (hlm.129). Si Beruang amat marah apabila diperdayakan oleh Kura-kura dan hendak membunuhnya. Sekali lagi Kura-kura tidak mengaku dan memberitahu bahawa Kekura Kebeh yang memperdayakan Si Beruang (hlm. 131). Si Beruang sudah sedar bahawa kura-kura memperdayakannya dan Si Beruang menangkap Kura-kura dan dibawa balik untuk dimasak sebagai makanan mereka anak-beranak. Apabila dimasak dalam periuk, Kura-kura membuang najisnya dan kemudian keluar dari periuk. Si Beruang anak-beranak menyangka daging kura-kura sudah hancur dan menghirup dengan lahap. Kemudian Kura-kura muncul dengan menyatakan bahawa “*Siek, siek, ake’ buang kuman ta’eik*” yang bermaksud “*Si Beruang makan tahi aku*”. Apabila mendengar kata-kata itu, Si Beruang amat marah hendak memukulnya, tetapi Kura-kura bijak dengan menyatakan bahawa tidak guna memukulnya sebab badannya sudah leper.

Apabila Si Beruang hendak membakarnya, Kura-kura bersandiwara bahawa badannya sudah hitam dibakar emaknya dan dia tidak mati. Akhirnya, Si Beruang mengambil keputusan membuang Kura-kura ke dalam sungai dan Kura-kura pun berpura-pura menangis ketakutan. Si Beruang mencampakkan Kura-kura ke dalam sungai dan Kura-kura amat gembira kerana Si Beruang telah mengembalikannya ke rumah (habitat), iaitu sungai dan mengetawakan Si Beruang (hlm. 133-134). Si Beruang mengakui kebijaksanaan Kura-kura dan memohon bantuan binatang seperti pelanduk, badak dan rusa untuk mencari Kura-kura namun gagal menjumpai kura-kura.

Setelah itu, Si Beruang meminta bantuan Si Memerang untuk menjejaki Kura-kura. Apabila Si Memerang bertemu Kura-kura, maka dia memberitahu Kura-kura tujuannya, namun Kura-kura yang bijaksana memberitahu Si Memerang bahawa datuk mereka bersaudara dan jangan mudah ditipu Si Beruang. Si Memerang pun kembali dan memberitahu Si Beruang bahawa dia tidak menjumpai Kura-kura. Si Beruang marah dan menyesal dengan kebodohnya (hlm. 135-136).

Cerita rakyat suku kaum Kayan mengangkat Kura-kura sebagai haiwan yang memiliki nilai kebijaksanaan dalam menyelesaikan isu konflik dan masalahnya dengan sesama binatang, iaitu Si Beruang.

Dalam cerita “*Lahei Bua*” watak Majod Silo Jelo melambangkan lelaki yang mengamalkan nilai baik hati dan keikhlasan dengan menyerahkan isterinya Lahei Bua kepada Jelivan Etieng Kayo kerana perasaan simpatinya kepada Jelivan yang belum ada isteri. Majod memberitahu Jelivan hasratnya yang ikhlas memberikan isterinya kepada Jelivan dan memberitahu isterinya agar menerima Jelivan Etieng Kayo sebagai suaminya. Walaupun Lahei Bua tidak bersetuju, namun Majod meneruskan niatnya yang ikhlas dan dia sendiri kembali ke tempat asalnya di Long Keliman. Akhirnya, Jelivan dan Lahei Bua menjadi suami isteri (hlm.224-225). Keikhlasan seorang suami memberikan isterinya kepada orang lain, umumnya jarang berlaku khususnya atas faktor simpati yang tinggi dan melambangkan keunikan dan kebaikan hati kaum ini.

Watak Burieng Pid dalam cerita “*Lahei Bua*” juga memiliki kebaikan hati yang tinggi dengan memelihara *Tingang Lahei Bua*⁵⁸ yang kesakitan akibat diberikan makan buah-buahan yang tidak boleh dimakan manusia ketika hidup bersama kumpulan burung tingang di Ujaed Batog Usung Tingang. Tingang Lahei Bua tersungkur ke tanah dan tidak berdaya, tetapi diubati oleh Burieng Pid, iaitu amah kepada Jelivan Nurang Dale. Tingang Lahei Bua diberinya makan dan disuap nasi. Kemudian Tingang Lahei Bua bertukar menjadi manusia yang jelit, diberikan nama Lalaeng Burieng Bayo dan kemudian dikahwinkan dengan Jelivan Burieng Dale (hlm.235).

Watak Burieng Pid dalam cerita-cerita suku kaum Kayan berperanan sama sebagai watak pembantu kepada hero mahupun heroin dan sinonim dengan konsep *dayang* dalam cerita lipur lara. Watak ini terdapat dalam cerita “*Avun Batang Hagang Kayo*”, “*Lahei Bua*” dan “*Batang Bua*” sebagai watak yang memiliki kebaikan hati dan sentiasa membantu ketuanya. Burieng Pid turut bertindak sebagai perantara antara suami isteri, misalnya antara Keteno dan suaminya Avun Batang Hagang Kayo dalam urusan hendak mengambil buah-buahan dan perantara antara Tevang Lingei dan isterinya, iaitu Punyang Lirong semasa hendak menyampaikan hasrat untuk menuba ikan.

Nilai baik hati juga terdapat dalam cerita “*Lahei Bua*” pada watak makhluk bukan manusia seperti gergasi Long Unan yang menjaga anak Lahei Bua dan Jelivan Etieng Kayo sebelum Lahei Bua menjadi burung tingang. Long Unan sanggup menjaga anaknya dan semasa hendak mengambil semula anaknya dari mulut Long Unan, Lahei Bua meminta pertolongan Wid Langit yang baik hati, iaitu seorang lelaki yang bersaiz badan besar dan benjolan matanya sebesar sebuah gong sehingga menjadikan wajahnya amat menjengkelkan. Akhirnya, mulut Long Unan dapat dibuka oleh Wid Langit seorang pemuda selekeh yang berpakaian *talaen*⁵⁹.

Lahei Bua dalam “*Lahei Bua*” juga dicitrakan berpegang teguh pada janjinya kerana telah berjanji bahawa sesiapa yang dapat membuka mulut Long Unan, akan dikahwinkan dengan anaknya jika anaknya perempuan (hlm. 242-245). Ternyata, anaknya perempuan dan dinamakan Silo Lang Unan yang membesar menjadi gadis cantik. Lahei Bua memiliki keluhuran hati budi dengan mengotakan janjinya. Walaupun Silo Lang Unan tidak bersetuju kerana rupa dan paras Wid Langit yang menakutkannya, namun Lahei Bua tetap menyuarakan hasratnya. Apabila Lahei Bua memberitahu Wid Langit tentang janjinya hendak mengahwinkan anaknya dengan orang yang berjaya membuka mulut Long Unan, maka Wid Langit terjun mandi di pangkalan dan menanggalkan baju jelmaan lalu bertukar menjadi seorang pemuda yang kacak dan bertukar nama menjadi Beluluk Nurang Dale. Akhirnya, dia berkahwin dengan Silo Lang Unan setelah Silo kagum dengan kekacakan Beluluk. Niat Lahei Bua yang suci dengan mengotakan janjinya telah membawa kebaikan kepada Wid Langit dan Silo. Keluhuran dan ketinggian hati budi Lahei Bua yang mengotakan janjinya memanifestasikan keluhuran budi dalam suku kaum Kayan.

Sehubungan dengan itu, dalam cerita “*Batang Bua*” golongan *panyin* wanita telah menunjukkan nilai keprihatinan dan kepekaan kepada Bua Hida Hendaen yang sedang mengandung setelah mereka mengetahuinya. Setiap hari mereka datang untuk bersembang dan

⁵⁸ Tingang Lahei Bua: Seseorang yang menjadi burung tinggang/enggang akibat sumpahan dalam adat kaum Kayan.

⁵⁹ Talaen: Istilah baju jelmaan atau samara (dalam bahasa kaum Kayan)

menemani Bua Hida, seorang *maraen*⁶⁰. Mereka tidak pernah membiarkan dia duduk seorang diri dan amat gembira dengan berita Bua Hida mengandung (hlm. 62). Semasa Bua Hida hendak bersalin, semua wanita kampung datang berkumpul di bilik Bekilaed Lahei untuk menunggu kelahiran (hlm.63). Keprihatinan melambangkan sensitiviti mereka kepada peristiwa yang berlaku dalam masyarakat yang berupaya mengeratkan hubungan sosial.

Watak Bua Hida dalam cerita ini memperlihatkan nilai kasih sayang yang mendalam kepada anaknya, Batang Bua sehingga tidak membenarkannya bermain jauh dari rumah. Bua Hida tidak mahu berjauhan dengan Batang Bua kerana itu satu-satunya anaknya. Apabila Batang Bua tidak balik dari bermain, maka Bua Hida pengsan beberapa kali dan penduduk kampung akan memalukan gong dan tawak. Sementara Batang Bua juga sering risau akan keadaan ibunya yang sukar berpisah dengannya. Ketika dia berada di hutan dan tertidur di pohon *beran*⁶¹, dia segera balik ke rumah kerana mengingatkan ibunya (hlm. 69). Kasih sayang Lahei Bua amat erat dan mendalam kepada anaknya sebagaimana lumrah kehidupan manusiawi yang wajar diteladani.

Dalam cerita “*Ayo Long Taman*” nilai keberanian dan ketangkasan ditunjukkan oleh golongan bangsawan dan penduduk kampung. Watak seperti Lake’ Dieng yang tangkas dan berjaya membunuh Rabong yang mengayau (hlm. 46). Begitu juga dengan watak Lake’ Awieng yang berani, bengis dan mengamuk sehingga menakutkan *ayo-ayo*⁶² yang datang untuk mengayau. *Ayo-ayo* lari lintang-pukang melihat Lake’ Awieng mengamuk (hlm. 47-48). Keberanian mereka menyebabkan *ayo-ayo* ketakutan dan berupaya mewujudkan keamanan.

Nilai keluhuran dan kebaikan juga ditunjukkan oleh watak Bog Ikaeng dalam cerita “*Bog Ikaeng*”. Walaupun Jalong Paraen telah mencedera dan menghinanya semasa dia miskin, namun apabila Jalong dan penduduk kampung memohon bantuan akibat kekurangan makanan, Bog Ikaeng telah membantu dengan menanggung semua makanan dan keperluan mereka tanpa berdendam. Bog Ikaeng menerima kedatangan *panyin* dan mereka menetap di rumah Bog Ikaeng. Bog Ikaeng membesarkan rumahnya untuk menampung penduduk kampung yang tinggal di rumahnya. Oleh itu, mereka telah mengiktiraf Bog Ikaeng sebagai golongan bangsawan baharu (hlm.147). Sementara Jalong Paraen, seorang pemimpin yang kejam dan zalim telah kehilangan kuasa setelah berkahwin dengan Bog Ikaeng.

Amalan nilai kebaikan dan keluhuran dalam cerita suku kaum Kayan menyiratkan pengukuhan hubungan antara manusia dan manusia dengan makhluk lain yang bernyawa sekali gus mengharmonikan hubungan sosial antara komuniti dan alam ciptaan-Nya. Sementara nilai kebijaksanaan dalam cerita Kura-kura dan Si Beruang menandakan *world view* dalam suku kaum Kayan terhadap haiwan seperti Kura-kura yang memiliki daya keintelektualan dalam menyelamatkan dirinya daripada ancaman.

Perlanggaran Nilai

Berdasarkan takrifan “Kearifan Tempatan” oleh Yusriadi et al. (2018), iaitu kearifan tempatan sebagai tingkah laku manusia yang positif dalam menangani isu kehidupan, alam dan

⁶⁰ Ibid., 8

⁶¹ Ibid., 13

⁶² Ayo-ayo: Istilah bagi musuh atau orang yang mengayau

persekitarannya, ternyata tidak dipatuhi kaum Kayan kerana berlakunya pelanggaran nilai dan pantang larang dalam menangani isu kehidupan dan mencapai matlamat.

Berdasarkan cerita rakyat “*Avun Batang Hagang Kayo*,” didapati watak Urei Uyuk menyelesaikan kehendaknya dengan cara tidak bermoral, iaitu melanggar batas kemanusiaan apabila sanggup membunuh Keteno, isteri kepada Avun Batang Hagang Kayo. Urei Uyuk mengugut Keteno agar mandi bersama dengannya, kemudian dia mencekik Keteno sehingga mati. Mayat Keteno disumbatnya dalam lubang ikan *helan* di dasar sungai. Seterusnya, Urei Uyuk merampas pakaian dan perhiasan Keteno dan dipakainya walaupun tidak sesuai, kemudian mencungkil kedua-dua biji mata Keteno dan berpura-pura menyamar menjadi Keteno palsu (hlm.13). Urei Uyuk menyamar dan menipu Avun dengan menjadi isteri Avun Batang Hagang Kayo, namun penyakit telah menimpanya. Impak terhadap pelanggaran nilai ini, Urei Uyuk akhirnya mati apabila Keteno yang menyamar berjaya membunuhnya semasa menziarahi Urei Uyuk di rumah Avun Batang Hagang Kayo. Berdasarkan peristiwa ini, balasan kepada yang melanggar norma dalam menyelesaikan hasrat tidak dihalalkan dalam masyarakat.

Sementara dalam cerita “*Ayo Long Taman*” memperlihatkan pelanggaran nilai menerusi amalan *ngayau* yang dilakukan oleh *ayo-ayo* berlaku di Kampung Uma Juman, Sungai Asap Belaga. Penduduk kampung sedang dalam musim *nyadui*⁶³, kemudian musim menuai. *Ayo-ayo* sering datang mengintai peluang untuk mengayau mereka pada musim-musim ini sehingga menakutkan mereka. Kampung menjadi sunyi sebab kebanyakannya bermalam di huma, penghuni yang ada ialah ahli keluarga *marean*⁶⁴ seperti Lake’ Dieng, Doh Haya, Maeng, Tipong dan beberapa orang lagi. Cubaan untuk mengayau gagal kerana ada penduduk yang memiliki keberanian seperti Lake’ Dieng, Lake’ Awieng dan *dipaen*⁶⁵ (hamba) wanita. *Ayo-ayo* tidak berpuas hati kerana tidak berhasil dan telah menggunakan *buso*⁶⁶ untuk membakar Kampung Uma Juman namun gagal, sebaliknya *Ayo-ayo* berhasil membakar Kampung Uma Belor (hlm.48). Seterusnya, mereka berjaya membunuh seorang wanita dan menjadikan anaknya sebagai tawanan (hlm. 49). Akibat amalan *ngayau* ini, penduduk Kampung Uma Juman hidup dalam keadaan tidak tenteram kerana *Ayo-ayo* sentiasa mengintai dan menyerang mereka. Jelasnya, amalan *ngayau* melanggar konsep dan nilai kearifan tempatan yang menyebabkan keadaan komuniti tidak harmoni. Amalan ini menunjukkan pelanggaran terhadap prinsip, norma, aturan sosial dan moral yang menjadi satu sistem sosial sesebuah masyarakat.

Perlanggaran nilai turut berlaku dalam cerita rakyat “*Bog Ikaeng*”. Perlanggaran nilai ini dilakukan oleh Jalong Paraen, seorang pemimpin golongan bangsawan kepada keluarga Bog Ikaeng dan ibunya Doh Kevungan (hlm. 138). Jalong memandang hina kedua-dua beranak ini dengan tidak berperikemanusiaan dengan mencedera dan menyakiti Bog Ikaeng ketika dia hendak menyertai rombongan Jalong ke pekan untuk mendapatkan sumber makanan. Serangan dan hentakan Jalong ketika Bog Ikaeng hendak menaiki perahu untuk ke pekan menyebabkan tangannya luka dan bengkak sehingga dia menangis kesakitan. Kedua-dua beranak hidup dalam kemiskinan, *ibarat kais pagi makan pagi, kais petang makan petang*. Jalong Paraen sebagai

⁶³ Nyadui/: musim khusus bekerja untuk membuat huma dalam adat kaum Kayan/

⁶⁴ Ibid., 8

⁶⁵ Dipaen: Istilah hamba (dalam bahasa kaum Kayan)

⁶⁶ Buso: Sejenis bahan api (dalam bahasa kaum Kayan)

ketua tidak langsung mempedulikan mereka malahan menghina. Jalong merupakan ikon pemimpin yang kejam dan zalim kepada komunitinya. Akhirnya, dia kehilangan kuasa.

Perlanggaran nilai juga berlaku dalam cerita “*Si Beruang dan Kura-kura*”. Si Beruang berniat jahat hendak mencuri pisang Kura-kura yang telah *sak ujung*⁶⁷ (masak sedikit-sedikit dari pangkalnya). Si Beruang mengidam dan merancang mencuri pisang tersebut. Setiap malam Si Beruang pergi mencuri pisang kepunyaan Kura-kura sehingga Kura-kura tidak dapat merasa pisang yang masak (hlm. 125). Dalam konteks ini, Si Beruang tidak mengamalkan nilai positif sebaliknya menimbulkan kemarahan Kura-kura sedangkan Kura-kura tinggal bersama-sama mereka. Apabila terkena perangkap Kura-kura, Si Beruang pula berdendam dengan Kura-kura sedangkan Si Beruang yang bersikap jahat, melanggar sistem nilai sehingga merenggangkan hubungannya dengan Kura-kura dan akhirnya bermusuhan.

Seterusnya, dalam cerita “*Pelanduk dan Si Siput*” didapati watak Pelanduk dalam suku kaum Kayan mengamalkan nilai negatif dengan menghina sesama makhluk, iaitu Siput. Penghinaan dalam dialek suku kaum Kayan dipanggil “*selopoh*” sebagaimana penghinaan Si Pelanduk “*Eh, selopoh betul aku melihat kamu. Setiap hari aku melihat semua berada di tempat yang sama, seperti katak di bawah tempurung*” kata Si Pelanduk (hlm.357-358). Si Siput yang mendengar berasa sakit hati dan mencabar Si Pelanduk untuk berlawan berlari. Si Pelanduk memperli Si Siput kerana terlalu bangga dengan kekuatannya berlari dibandingkan dengan dirinya dengan menyatakan Si Siput sampai hujung bulan dan hingga hujung tahun pun akan tetap berada di situ tidak bergerak. Si Pelanduk menyahut cabaran Si Siput dan larian dimulakan. Si Pelanduk berlari sekuat hati dan menganggap dirinya meninggalkan Si Siput jauh ke belakang, namun Si Pelanduk terkejut kerana Si Siput berada dekat dengan tempat dia berhenti. Si Pelanduk yang sombong terus berlari lagi dan perkara sama berlaku, Si Siput tetap berada dekat dengannya (hlm. 359).

Akhirnya, Si Pelanduk mengaku kalah kerana tidak berdaya untuk berlari tanpa mengetahui bahawa Si Siput telah memasang strategi dengan berpakat sesama komuniti siput untuk mengalahkan Si Pelanduk yang sombong. Siput-siput telah berbaris di sepanjang sungai sehingga berjaya memperdayakan Si Pelanduk. Siratan impaknya, cerita binatang dalam suku kaum Kayan mengkomunikasikan mesej bahawa makhluk yang kecil dan lemah jangan dipandang hina dan diperlekeh kerana daya intelektual tidak dapat dinampak dengan mata kasar. Kekuatan dan kelemahan tidak dapat diukur secara fizikal semata-mata kerana aspek kognitif memainkan peranan penting untuk merancang strategi bagi membuahkan kemenangan sebagaimana dalam kedua-dua buah cerita binatang yang dikupas.

Cerita “*Uma Awei*” memaparkan kisah masyarakat di sebuah kampung di Eda Baran, yang dipanggil Kampung Uma Awei. Cerita ini memperlihatkan perlanggaran nilai sosial apabila watak Tana Ledo yang tinggal di Kampung Uma Awei digambarkan sentiasa berniat jahat dengan merampas isteri Usan Bato, abangnya sendiri. Tana Ledo sanggup merampas Hunyang Araen daripada abangnya kerana kecantikan Hunyang Araen tanpa menghiraukan perasaan abangnya sehingga Usan Bato seperti duda kematian isteri dan terpaksa menjaga anaknya yang masih kecil. Usan Bato amat kecewa kerana saudaranya sendiri mengkhianatinya (hlm. 373). Hunyang Araen dibawa dengan paksaan oleh Tana Ledo ke Kampung Uma Awei.

⁶⁷ Sak ujung: keadaan makanan yang masak sedikit-sedikit dari pangkalnya (dalam bahasa kaum Kayan)

Apabila Tana Ledo mendengar bahawa Usan Bato telah beristeri dengan Tipung Jalong Timang, dia bertekad untuk merampas Tipung pula daripada abangnya dan memulangkan Hunyang Araen semula (hlm. 374). Kemudian, Tana Ledo menghantar rombongan untuk mengambil semula Hunyang Araen daripada Usan Bato, namun Hunyang Araen yang dipaksanya telah bertindak tinggal dalam perahu tidak mahu naik ke rumah. Setelah dipaksa naik ke rumah, maka Hunyang Araen telah mengunci dirinya dalam bilik manakala Usan Bato kemurungan akibat perbuatan jahat adiknya (hlm. 375). Usan Bato bertindak mengambil Tipung Jalong Timang daripada Tana Ledo dan dibiarkan sahaja oleh Tana Ledo kerana dia sudah ada Hunyang Araen walaupun Hunyang tidak mempedulikannya. Seterusnya, tiba-tiba Tana Ledo kasihan dengan anak abangnya yang masih kecil dan mengembalikan Hunyang Araen semula kepada Usan Bato dan membawa balik Tipung Jalong Timang (hlm. 378-379).

Hunyang Araen dan Usan Bato hidup bahagia, namun sementara kerana Usan Bato meninggal dunia. Kematian Usan Bato telah menyebabkan Tana Ledo menghantar Tipung Jalong ke tempat asalnya dan membawa Hunyang Araen semula ke Kampung Uma Awei. Tindakan Tana Ledo tidak sedikit pun menggugat keputusan Hunyang Araen yang tidak dapat menerima Tana Ledo sebagai suami walaupun setiap malam Tana Ledo berusaha *ngedoh*⁶⁸ (ngayap), namun gagal mendapatkan Hunyang Araen (hlm. 384). Akhirnya, Tana Ledo berputus asa sebagai balasan mengkhianati abangnya sendiri dan Kampung Uma Awei terkenal dengan perbuatan Tana Ledo.

Ringkasnya, pelanggaran nilai boleh menjejaskan hubungan sosial dalam kearifan lokal kerana tidak berlaku keharmonian dalam komuniti sebagaimana Supriyanto et al. (2018) yang menjelaskan bahawa kearifan lokal digunakan untuk menandakan bahawa dalam kehidupan sosiobudaya lokal terdapat ketinggian nilai-nilai, kebenaran, kebaikan dan keindahan yang dihargai oleh warga masyarakat sebagai panduan atau pedoman untuk membangun pola hubungan antara warga untuk membangun tujuan secara realistik. Walau bagaimanapun, pelanggaran nilai berupaya membuka mata dan minda masyarakat agar menjadikannya sebagai sempadan dan pengajaran dalam kehidupan. Kepudaran nilai-nilai kebaikan menyebabkan manusia mudah terpengaruh oleh sifat tamak, mementingkan diri sendiri dan melakukan perkara yang merugikan orang lain.

KESIMPULAN

Keseluruhannya, kearifan tempatan dalam sembilan buah cerita rakyat suku Kayan yang dikupas merangkumi keanehan dan keajaiban, budaya kolektif iaitu upacara dan adat, pantang larang, kepercayaan pada mimpi, nilai positif dan pelanggaran nilai yang memanasikan identiti budaya dan jati diri kaum ini dalam melakar pola dan corak serta sistem kehidupan. Tuntasnya, kearifan tempatan dalam sembilan cerita rakyat suku Kayan mencerminkan *weltanschauung* dan *world view* masyarakatnya. Cerita-cerita ini turut menonjolkan nilai kebaikan yang menjadi pedoman hidup selain menggambarkan akibat daripada pelanggaran nilai. Cerita suku kaum Kayan ini memperlihatkan keunikan identiti budaya dan daya keintelektualan suku kaum Kayan dalam mendidik dan melestarikan keseimbangan antara makhluk ciptaan Tuhan yang dipraktik oleh mereka sebagai khazanah warisan bangsa yang bernilai.

⁶⁸ Ngedoh: Perbuatan memikat (dalam bahasa kaum Kayan)

RUJUKAN

- Agus Efendi. (2014). Implementasi Kearifan Budaya Lokal Pada Masyarakat Adat Kampung Kuta Sebagai Sumber Pembelajaran IPS. *Jurnal Sosio Didaktika*, 1 (2), 212-217.
- Avun hagang batang kayo*. (2022). Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Awang Azman Awang Pawi. (2013). Weltanschauung dan Manifestasi Kepercayaan Tradisi Etnik di Sarawak” Melayu. *Jurnal Antarabangsa Dunia Melayu*, 6, (2), 139-154.
- Flavier, J.M. (1995). *The cultural dimension of development: Indiginous knowledge*. London:Intermediate Technology Publication.
- Gede Marhaendra Wija Atmaja, Nyoman Mas Aryani, Anak Agung Sri Utari & Made Ari Yuliantini Griadhi. (2017). *Pluralisme konstitusional dalam pengakuan kesatuan masyarakat hukum adat*. Yogyakarta: ANDI.
- Giska Adilah Sharfina Saputra. (2013). Enhancing Local Wisdom Through Local Content of Elementary School in Java, Indonesia. *Proceeding of the Global Summit on Education*. Universiti Putra Malaysia, Serdang.
- Husni Thamrin. (2013). Kearifan Lokal dalam Pelestarian Lingkungandlm. *E-Jurnal Universiti Islam Negeri Sultan Syarif Kasim II*, 2(1) hlm. 46-58,
- Irawan Satria Purwanto. (2017). Nilai-Nilai “Dharma” Teks Cerita Mahabharata Versi Novel Karya R. K. Narayan. *Disertasi Sarjana Pendidikan Bahasa dan Sastra Indonesia*, Universitas Muhammadiyah Malang.
- Keraf, A.S (2010). *Etika Lingkungan Hidup*. Jakarta: Penerbit Buku Kompas.
- Muhammad Din, Selmita Paranoan, Rahma Masdar, Hamonangan Siallagan &Tarmizi Achmad. (2017). *Public Accountability Based on The Value of Local Wisdom dlm. International Journal of Civil Engineering and Technology*, 8(8) hlm. 1046-1053,
- Muhammad Ikhlas Rosele dan Abdul Karim Ali. (2019) Konsep Kearifan Tempatan Menurut Perspektif Hukum Islam dlm. *Jurnal Fiqh*, Vol. 16, No. 1 hlm. 1-24,
- Mohd Razaimi Hamat & Mohd Yuszaidy Mohd Yusoff. (2020). Motif Alam Flora dalam Seni Ukiran Logam Halus Kelantan. *Jurnal Melayu*, 19(1), 35-52.
- Muhammad Yusri Yusof @ Salleh dan Mohd Anuar Ramli. (2020). Pentakrifan Kearifan Tempatan: Suatu Sorotan. *Jurnal Melayu*, 19(2), 175-188.

- Ordilia Kalang. (2022). Penghijrahan Suku Masyarakat Kayan dari Kalimantan ke Sarawak pada Abad ke-18 dan ke-19. *Tesis Ijazah Sarjana Muda*, Fakultas Sains Sosial dan Kemanusiaan Universiti Malaysia Sabah.
- Sara Beden. (2023). Nuansa Kearifan Tempatan dalam Mitos Paya Beketan. Available from: https://www.researchgate.net/publication/376615668_Nuansa_Kearifan_Tempatan_dalam_Mitos_Paya_Beketan [diakses pada Oct 13 2025].
- Suhartini. (2009). Kajian Kearifan Lokal Masyarakat dalam Pergolakan Sumberdaya Alam dan Lingkungan. *Prosiding Seminar Nasional Penelitian dan Penetapan MIPA*. Universitas Negeri Yogyakarta, Yogyakarta.
- Supriyanto, Muh Ikhsan, Ismail Suardi Weke & Fahmi Gunawan. (2018). *Islam and local wisdom: Religious Expression in Southeast Asia*. Yogyakarta: Deepublish.
- Warren, M.D. (1992). Indigenous knowledge, biodiversity conservation and development: Keynote address. In *Proc. International Conference on Conservation of Biodiversity*, pp.15-30. Nairobi.
- Yusriadi, Y., Irmayani, I., Rosada, I., Ilsan, M., Wahyuni, W. dan Muhdiar, M. (2018) Local Wisdom on Farming Activities and Its Benefits to Agriculture in Enrekeng District, Indonesia, *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 3(5) hlm. 48-54,